D.R. 15/2025

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "maklumat sulit" takrif yang berikut:

' "Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi undang-undang;'.

Seksyen baharu 5A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

"**Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat**

5A. (1) Suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat hendaklah ditubuhkan dan hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) untuk menyelia pelaksanaan Akta ini yang berhubungan dengan kuasa am agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 3; dan

(b) untuk memperoleh statistik dan data yang berhubungan dengan pendedahan dan aduan yang diterima oleh agensi penguatkuasaan mengikut Akta ini.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada tujuh orang untuk menjadi anggota Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat, yang difikirkannya patut dan sesuai, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(3) Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun yang selepas itu dia adalah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya.

(4) Anggota Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat lain yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun yang selepas itu mereka adalah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatan mereka.

(5) Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat hendaklah menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

(6) Apa-apa statistik, data atau maklumat yang dikehendaki supaya dikemukakan kepada Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat bagi maksud seksyen ini hendaklah tidak termasuk maklumat sulit yang dilindungi di bawah seksyen 8.".

Pindaan seksyen 6

4. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung subseksyen itu dengan noktah; dan

(b) dengan memotong proviso.

Pindaan seksyen 7

5. Subseksyen 7(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "sesuatu kesalahan" perkataan ", yang termasuklah perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [*Akta 696*]".

Pindaan seksyen 11

6. Perenggan 11(1)*(a)* Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pemberi maklumat itu sendiri telah" perkataan "dengan sengaja".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ("Akta 711").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 711 untuk memasukkan takrif baharu "Menteri" ke dalam Akta 711.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat yang Pengerusi dan anggotanya akan dilantik oleh Menteri dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berhubungan dengan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat itu. *Fasal 3* juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan maklumat sulit di bawah Akta 711 daripada dikemukakan kepada Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong proviso kepada subseksyen 6(1) Akta 711.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3) Akta 711 untuk mengadakan peruntukan bagi sebutan mengenai Akta Perlindungan Saksi 2009 [*Akta 696*].

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)*(a)* Akta 711 berhubung dengan sebab yang terpakai bagi agensi penguatkuasaan untuk membatalkan suatu perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3339]